NewspaperSG

Kassim terus ketuai Partai Rakyat

 \equiv

Berita Harian, 14 April 1971, Page 4

Article also available on Microfilm Reel NL6727



KUALA LUMPUR, Selasa — Enche Kassim Ahmad telah di-pileh sekali lagi memimpin Partai Sosialis Rakyat Malaya dengan Dato Kampo Radjo sa-bagai Naib Pengerusi.

Pemilehan itu di-buat dalam kongres ke-15 partai tersebut kelmarin.

Kongress itu juga telah memileh sa-mula Syed Husin Ali sa-bagai Setiausaha Agong-nya dengan Enche Sanusi Osman dan Enche Sattar Haji Dahan sa-bagai Penolong Setiausaha satu dan dua.

13 anggota

Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Tanah Merah, Enche S. Sivasbramaniam telah di-pileh sa-bagai Bendahari baru partai tersebut.

Partai tersebut Juga telah memileh 13 orang anggota jawatankuasanya dan antara yang terpileh ia-lah Enche Hasnol Hadi, Enche C.C. Yong (sekarang dalam tahanan di-Muar), Enche Zulkifli Ismail (Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Ulu Kuantan yang sekarang dalam tahanan di-Batu Gajah), Enche Shaharom Mohamed Dom dan Enche Halim Ali.

Tiga tahun

Dalam satu sidang akhbar petang semalam, Enche Sanusi Osman mewakili Enche Kassim Ahmad yang sekarang sedang di-rawat di-Hospital Universiti disini memberitahu bahawa jawatankuasa baru ini akan bertugas salama tiga tahun.

"Walau bagaimanapun, kami tetap akan mengadakan kongres tiap2 tahun," kata-nya.

Menurut beliau, enam b u a h usul telah dibinchangkan dalam kongress dua hari itu.

Antara-nya ia-lah mendesak Kerajaan Pahang supaya tanah sa-luas 1 juta ekar didaerah Pekan yang dinamakan "Tanah Pengurniaan" di-jadikan hak ra'ayat.